



**PERUTUSAN
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.5/2024
PADA 29 MEI 2024 (RABU) JAM 9.00 PAGI**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

Salam Malaysia Madani

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha Majlis, Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pengamal media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
 - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
 - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
 - III. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng;
 - IV. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
 - V. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;

- VI. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
 - VII. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang
 - VIII. YB Tuan Chew She Yong, ADUN Lobak
-
- 3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Ilahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

CABARAN	PIHAK	BERKUASA	TEMPATAN
----------------	--------------	-----------------	-----------------

- 4. Proses perbandaran yang pesat menyaksikan landskap geografi serta corak kehidupan di bandar raya Seremban berubah secara mendadak. Walaupun impak urbanisasi membawa kepada kemajuan sosio-ekonomi, ia turut menimbulkan pelbagai isu perbandaran seperti kesesakan, pencemaran, keselamatan dan kemusnahan alam semulajadi. Cabaran kepada Majlis Bandaraya Seremban kini bukan sahaja bercorak fizikal malah turut menuntut

tanggungjawab sosial kepada penjagaan alam sekitar bagi memastikan daya huni kehidupan masyarakat selesa, selamat dan gembira.

5. Antara cabaran yang dihadapi seterusnya adalah banjir kilat, cerun runtuh, pokok tumbang, kemudahan awam rosak dan banyak lagi. Saya meminta jabatan-jabatan utama yang terlibat dengan pemaju untuk melihat pembangunan semula untuk masa akan datang. Pastikan pemaju yang hendak dicadangkan mematuhi keperluan semasa dan 20 tahun akan datang. Jabatan Perancangan Pembangunan mestilah lebih teliti dalam isu penentuan *zoning*. Jabatan Kejuruteraan perlu melihat kemudahan infra, Jabatan Taman & Landskap perlu melihat jenis-jenis pokok yang ditanam. Saya percaya jika perkara ini ditimbang dengan teliti sekarang, warga bandar raya pasti tidak akan terbeban dengan masalah perbandaran pada masa hadapan.
6. Dalam pada itu, saya meminta pelan strategik Majlis Bandaraya Seremban yang akan dibangunkan dapat memberikan penekanan kepada aspek pencegahan bencana. Seterusnya mengetuai perbincangan untuk pelan strategik segera.

7. Justeru itu, saya meminta warga kerja Majlis Bandaraya Seremban meningkatkan usaha agar matlamat dan hala tuju yang dirangka selama ini dapat dicapai menjelang tahun 2026. Tambahan pula, permintaan mendesak daripada masyarakat dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti dan pantas, memberi tekanan kepada Majlis Bandaraya Seremban untuk memenuhi jangkaan masyarakat sebagai pelanggan harus diberi keutamaan.
8. Saya yakin jika semua pihak bersatu menggembeling tenaga, segala perancangan yang dirangka pasti membawa hasil. Bak kata teromba : “kok tercicir nak dipungut, kok hilang nak dicari, kok tertimbun nak digali. Mengulas mana yang senteng, menghubung mana yang pendek, menokok mana yang kurang. Berpatah sayap bertongkat paruh. Selagi ada kudrat, selagi ada keringat, hasil yang dirangka akan tetap ditekad”.

*Sumber : Rangka Kerja PBT KPKT dan
Teks Ucapan YAB Menteri Besar Negeri Sembilan pada 1 Dis 2023*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

MEMPERKASA PENGURUSAN ADUAN

9. Dalam era pendigitalan perkhidmatan awam, Majlis Bandaraya Seremban menerusi Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) yang dibekalkan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA) dalam menguruskan dokumentasi aduan secara sistematik harus diterjemahkan dengan respon yang pantas dalam pengurusan aduan. Tindakan ini membolehkan Majlis Bandaraya Seremban dapat menepati tempoh masa penyelesaian aduan seperti mana yang dijanjikan dalam Piagam Pelanggan Majlis Bandaraya Seremban dan akan memberikan imej serta persepsi yang baik di mata warga bandar raya Seremban.

10. Mutakhir ini, keadaan sekeliling menuntut warga kerja Majlis Bandaraya Seremban supaya sentiasa peka dan sensetif dengan harapan serta amanah pelanggan kita agar keyakinan mereka terhadap kewibawaan penyampaian perkhidmatan MBS dapat diteruskan. Saya meminta warga kerja Majlis Bandaraya Seremban supaya tanamkan sifat “sense of urgency” dalam setiap perkara yang kita lakukan.

11. Sehubungan dengan itu, saya meminta Ketua Jabatan dan Ketua Unit Majlis Bandaraya Seremban menyemak semua prosedur pengurusan aduan supaya aduan yang dikemukakan oleh warga bandar raya dapat diambil tindakan segera dan diberikan maklumbalas lebih lengkap serta dilaporkan semasa Mesyuarat Pengurusan Aduan Awam dalam masa terdekat. Saya meminta jabatan dan unit supaya lebih responsif dan proaktif dalam melayan karenah aduan awam serta tidak mengambil masa yang lama dalam memberi maklumbalas kepada pengadu selaras dengan *tagline* Kerajaan Negeri “Bersih, Muafakat dan Sejahtera” semasa menjalankan tugas.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

12. Sehingga 26 Mei 2024, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut :-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2024 (RM63.14Juta)

Prestasi = RM58.53Juta (78.79%)

(b) Sasaran 30% Kutipan Tuggakan (RM26.02Juta)

Prestasi = RM8.92Juta (10.28%)

(c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM145.5Juta)

Prestasi = RM73.58Juta (50.57%)

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM223.56Juta)

Prestasi = RM107.43Juta (48.06%)

(e) Belanja Mengurus (RM220.16Juta)

Prestasi = RM73.44Juta (33.36%)

(f) Belanja Pembangunan (RM14.40Juta)

Prestasi = RM4.06Juta (28.24%)

13. Majlis Bandaraya Seremban sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang lebih komprehensif, inovatif dan inklusif bagi memenuhi aspirasi warga Bandar Raya Seremban yang sentiasa mahukan perubahan.

Sumber : Jabatan Kewangan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

OPERASI KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN DARI PINTU KE PINTU

14. Majlis Bandaraya Seremban menerusi Jabatan Kewangan telah mengadakan Operasi Kutipan Cukai Taksiran dari pintu ke pintu sepanjang bulan April 2024 di Taman Hijayu 1, Bandar Sri Sendayan. Sebanyak RM12,998.00 meliputi 274 bilangan akaun kutipan berjaya diperolehi sepanjang operasi berlangsung.

15. Selain itu, pada 28 April 2024 Majlis Bandaraya Seremban juga telah membuka kaunter bayaran bergerak di Rimbun Ara S2 Heights sempena Program Gotong-Royong 2024 anjuran DUN Bukit Kepayang. Sebanyak RM18,616.60 jumlah kutipan berjaya dikutip pada hari berkenaan melibatkan bayaran Cukai Taksiran dan Kompaun.

Sumber : Jabatan Kewangan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

16. Bermula 1 Januari 2024 sehingga 30 April 2024, Majlis Bandaraya Seremban telah menjalankan aktiviti kawalan iaitu :-

- i. *fogging* 25,114 premis ;
- ii. ULV 44,451 premis ;
- iii. *larvacing* 169 lokaliti ;
- iv. *source reduction* 169 lokaliti ; dan
- v. gotong-royong ke atas 46 taman ;

17. Sehingga 30 April 2024, Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2 mencatatkan sebanyak 50 pengebumian melibatkan 49 jenazah warganegara dan 1 jenazah bukan warganegara.
18. Manakala Tanah Perkuburan Islam Ainsdale telah mencatatkan sebanyak 14 pengebumian melibatkan 14 jenazah warganegara dan 1 pengembumian jenazah bukan warganegara. Bagi Tanah Perkuburan Kristian Sendayan pula telah merekodkan sebanyak 9 pengebumian warganegara. Saya meminta kawasan tanah perkuburan sentiasa diselenggara dengan baik dan memastikan kemudahan infrastruktur berada dalam keadaan baik.

Sumber : Jabatan Kesihatan Persekutuan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN UNIT INTEGRITI

i. KEPADA JABATAN / AGENSI DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

19. Merujuk kepada Arahan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan bertarikh 17 April 2024 iaitu Hebahan Peringatan “Etika Penjawat Awam Di Media Sosial”, semua pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Seremban perlu mematuhi peraturan, undang-undang dan pekeliling serta etika yang sedang berkuatkuasa.

20. Selain itu, Unit Integriti Majlis Bandaraya Seremban telah memaparkan poster sebagai peringatan mengenai “Larangan Membuat Pernyataan Awam” dan “Etika Penjawat Awam di Media Sosial. Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 Peraturan-Peraturan Bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Majlis Perbandaran Seremban/Nilai (Kelakukan dan Tatatertib) 1998. Sekiranya pegawai didapati telah melanggar peraturan ini, tindakan tatatertib boleh diambil ke atas pegawai dan kakitangan

MBS berkenaan kerana perbuatan tersebut ditafsirkan sebagai ingkar perintah dan menjasakan imej perkhidmatan awam.

21. Sehubungan dengan itu, Unit Integriti MBS Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan telah mengedarkan poster larangan tersebut kepada Unit Integriti Majlis Bandaraya Seremban untuk dipamerkan agar pegawai dan kakitangan MBS mematuhi arahan berkenaan. Poster berkenaan akan dimuat naik ke *desktop* komputer dan papan kenyataan di Pejabat MBS pada bulan Mei 2024.

Sumber : Unit Integriti

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

ii. ARAHAN PEMATUHAN PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA FLEKSI (WBF) DI JABATAN / AGENSI PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DAN MENGEMASKINI ALASAN KEHADIRAN DI SISTEM e-PUNCH CARD / KAD PERAKAM WAKTU

22. Untuk makluman, surat arahan yang dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (SUKNS) bertarikh 8 April 2024 bertujuan untuk memberi peringatan kepada semua pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam di Negeri Sembilan berhubung penguatkuasaan peraturan berkaitan pematuhan waktu bekerja yang telah ditetapkan.
23. Sehubungan dengan itu, saya menyeru kepada semua Ketua Jabatan dan Ketua Unit Majlis Bandaraya Seremban memastikan agar pegawai dan kakitangan di bawah selian tuan-tuan dan puan-puan mematuhi pelaksanaan pematuhan waktu bekerja serta membuat pemantauan secara berterusan terhadap keberadaan pegawai dan kakitangan di pejabat atau pun di lokasi tempat bertugas

masing-masing. Unit Integriti Majlis Bandaraya Seremban memandang berat terhadap pematuhan dan kawalan Ketua Jabatan berkaitan ketidakpatuhan arahan ini.

24. Dalam konteks pengurusan dan tadbir urus yang baik, pemerkasaan amalan integriti memerlukan kefahaman dan kesedaran yang tinggi. Sekiranya diabaikan akan membawa kesan yang tidak baik bukan sahaja kepada diri sendiri dan keluarga bahkan juga kepada organisasi itu sendiri. Budaya integriti dapat disemai dan dimantapkan melalui peringatan dan pengajaran bahawa tugas itu adalah amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Tindak tanduk seseorang individu itu sentiasa dipantau dan penyaksian oleh Allah S.W.T tidak kira batasan waktu dan tempat.
25. Di samping itu, hubungan silaturahim dan kerjasama di kalangan warga Majlis Bandaraya Seremban juga perlu dipertingkatkan supaya kita sentiasa mengamalkan sikap toleransi dan mengambil berat antara satu sama lain. Ini dapat memperingatkan dan menghindarkan kita dari segala perlakuan jenayah, penyelewengan dan salah guna kuasa serta rasuah.

26. Semenjak penubuhan Unit Integriti pada tahun 2020, Majlis Bandaraya Seremban telah diberikan penarafan agensi Berisiko Sederhana oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Untuk makluman, SPRM dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan penarafan risiko ke atas semua agensi awam setiap tiga tahun sekali. Sukacita dimaklumkan bahawa hasil penarafan semula risiko MBS pada tahun 2023 telah dikategorikan sebagai Berisiko Rendah. Ini adalah satu pencapaian yang baik untuk pengakhiran tahun 2023. Walau bagaimanapun, saya mengharapkan tiada aduan ataupun kelakukan rasuah di kalangan pegawai berkepentingan kerana ini akan mencemarkan nama baik Majlis Bandaraya Seremban.

27. Untuk mengekalkan penarafan Berisiko Rendah ini, para pegawai dan kakitangan MBS harus kekal produktif dan berintegriti dalam memberikan perkhidmatan kepada orang awam khususnya yang tinggal dalam kawasan Pentadbiran MBS. Diharapkan warga kerja Majlis Bandaraya Seremban sentiasa memupuk budaya kerja profesional dan nilai-nilai integriti yang tinggi dalam diri masing-masing supaya MBS akan menjadi sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang cemerlang dari segi tadbir urus, berintegriti dan bebas rasuah. Saya juga ingin menegaskan bahawa isu integriti

bukan sahaja mencerminkan imej diri seseorang bahkan imej sesebuah organisasi secara keseluruhannya.

Sumber : Unit Integriti

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

- i. Taklimat Peranan Perkeso Siri 1, 2 dan 3
- 28. Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Taklimat Peranan Perkeso Siri 1, 2 dan 3 pada 6, 10 dan 16 Mei 2024 yang lalu bertempat di Bilik Dato' Klana di Hulu, Majlis Bandaraya Seremban. Taklimat ini adalah bertujuan untuk memberi kefahaman asas mengenai peranan dan tanggungjawab pekerja / majikan serta faedah PERKESO seperti tertakluk dalam Akta 4 dan SPS.

29. Selain itu, taklimat ini juga dapat memberi pengetahuan mengenai advokasi dan pencegahan serta sistem insurans pekerjaan dan skim keselamatan sosial suri rumah PERKESO. Taklimat ini telah dihadiri oleh 45 orang kakitangan terdiri daripada pelbagai jabatan.

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

ii. Taklimat Percukaian Program Klik Hasil Tahun 2024

30. Majlis Bandaraya Seremban juga telah mengadakan Taklimat Percukaian Program Klik Hasil Tahun 2024 pada 7 Mei 2024 bertempat di Bilik Komputer Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi MBS. Seramai 55 orang pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Seremban telah terlibat dalam taklimat yang bertujuan untuk membantu warga kerja Majlis Bandaraya Seremban dalam mengisi Borang Cukai Pendapatan.

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

iii. Sesi Penyerahan Surat Pemangkuhan, Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* (TBK1) & Pegawai Lantikan Kontrak Ke Tetap Serta Bacaan Ikrar, Majlis Bandaraya Seremban

31. Semenjak Januari 2024 sehingga Mei 2024, statistik kenaikan pangkat adalah seperti dipaparkan. Sebanyak 49 orang penerima kenaikan pangkat terdiri daripada Kumpulan Pelaksanan 1, 2 dan 3. Manakala sebanyak 10 orang Kumpulan pelaksanan 1, 2 dan 3 telah diserap ke jawatan tetap. Bagi pengisian baharu pula sehingga Mei 2024, sebanyak 7 orang pengisian jawatan baharu telah diisi terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Pelaksana 1 dan 2.

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

BENGKEL PENYEDIAAN GARIS PANDUAN *SMART POLE* DAN *SMART STREET POLE* DI DALAM KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

32. Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Bengkel Bagi Penyediaan Garis Panduan *Smart Pole* dan *Smart Street Pole* di Kawasan Majlis Bandaraya Seremban pada 7 hingga 10 Mei 2024 bertempat di Hatten Hotel, Melaka.
33. Majlis telah menerima banyak permohonan *Smart Pole* dan *Smart Street Pole* sejak awal tahun 2024. Walau bagaimanapun, tiada garis panduan yang boleh dirujuk berdasarkan kepada syarat – syarat permohonan bagi permohonan tersebut mengikut keperluan teknologi semasa yang boleh dijadikan rujukan utama untuk permohonan tersebut diproses dan diluluskan oleh pihak Majlis

34. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk membincangkan dan menyediakan satu garis panduan yang *standard* untuk digunakan dan dijadikan rujukan bagi permohonan kelulusan *Smart Pole* dan *Smart Street Pole* di dalam Kawasan Majlis Bandaraya Seremban.
35. Seramai 33 orang pegawai Majlis Bandaraya Seremban terdiri daripada pelbagai jabatan dan wakil daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri, Negeri Sembilan (UPEN), MBI Negeri Sembilan, MCMC Negeri Sembilan dan Pejabat Daerah dan Tanah Seremban telah hadir ke bengkel ini.

Sumber : Jabatan Kawalan Bangunan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**MESYUARAT PENYELARASAN PESURUHJAYA
BANGUNAN (COB) DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(PBT) BILANGAN 1/2024**

36. Pada 23 April 2024, Mesyuarat Penyelarasan Pesuruhjaya Bangunan (COB) di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Bilangan 1/2024 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Dato' Klana Petra, Wisma MBS. Seramai 100 orang peserta telah hadir terdiri daripada COB daripada seluruh PBT bagi membincangkan isu-isu semasa berkaitan dengan COB.

37. Mesyuarat ini telah membentangkan kertas kerja mengenai tatacara Pelantikan Pengawal Keselamatan di Skim Strata oleh Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM), kertas kerja kedua bertajuk Amalan Terbaik Tindakan Penguatkuasaan Akta Kompaun Ke Atas Pemaju / Pelikuidasi yang tidak melaksanakan kewajipan telah dibentangkan oleh COB Hulu Selangor dan kertas kerja terakhir bertajuk Pelantikan Ejen Bagi Skim Perumahan Kos Rendah / Sederhana Rendah Berstrata Swasta telah

dibentangkan oleh COB Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Sumber : Unit COB

**PELAPORAN JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT DAN PELANCONGAN**

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**i. MAJLIS BACAAN YASIN SEMPENA ULANG TAHUN
KEEMPAT MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

38. Sempena Ulang Tahun Keempat Majlis Bandaraya Seremban pada tahun ini, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Majlis Bacaan Yasin di Masjid Khairiah Lenggeng. Masjid ini ialah masjid ke-19 yang dipilih untuk Majlis Bacaan Yasin. Turut hadir di dalam majlis tersebut adalah Tuan Haji Zainal Bin Ismail, Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban, En. Azran Afziz bin Yazid, Jawatankuasa Pembangunan Dan Keselamatan Kampung Lenggeng, Ketua-ketua Jabatan MBS, Ketua-ketua Unit MBS, dan warga kerja MBS.

39. Selain dapat mengimarahkan masjid-masjid di sekitar daerah Seremban, ianya juga dapat menjaga hubungan baik di antara Majlis Bandaraya Seremban dan kariah-kariah yang terlibat dalam membincangkan berkenaan hal-hal yang berkaitan di kawasan kariah.

Sumber : Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

ii. **BANTUAN PASCA BANJIR MBS**

40. Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Penyelenggaraan Seksyen Pembersihan telah memberi bantuan di Taman Permai yang terlibat dengan banjir pada 13 dan Mei 2024 yang lalu. Antara kerja-kerja yang terlibat adalah membersihkan aliran air yang tersumbat, mengalihkan batuan dari struktur longkang yang pecah dan membersihkan pokok serta ranting yang tumbang. Saya juga telah mengarahkan supaya Jabatan Penyelenggaraan memotong pokok yang berisiko tumbang dengan segera bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini.

Sumber : Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan

PELAPORAN JABATAN UNDANG – UNDANG & PENGUATKUASAAN

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

41. Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan akan melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan berkaitan polisi menukar beg plastik kepada beg bukan plastik seperti beg kain, beg kertas dan beg biodegrasi dalam kawasan Pentadbiran Majlis bermula 1 Jun 2024. Untuk makluman, kempen ini telah dijalankan oleh Majlis semenjak 10 Mac 2021 akan mula dikuatkuasakan sepenuhnya oleh anggota penguatkuasa dengan mengambil tindakan penguatkuasaan mengeluarkan notis kesalahan kompaun sebanyak RM250.00 kepada semua pemilik perniagaan yang tidak mematuhi peraturan berkaitan larangan penggunaan beg plastik.

42. Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan telah merancang untuk meningkatkan lagi aktiviti pemeriksaan dan penguatkuasaan perniagaan yang berkaitan dengan warga asing terutamanya di lokasi “*hotspot*” seperti di Nilai 3, Taman Semarak, Jalan Sheikh Ahmad dan lain-lain lokasi. Setiap kesalahan perniagaan tanpa lesen atau permit yang melibatkan warga asing akan diselaraskan bersama dengan SOP sitaan dan pembekuan premis untuk tempoh 7 hari bagi memastikan tindakan penguatkuasaan yang diambil berkesan.
43. Untuk makluman juga, hasil tindakan penguatkuasaan bagi setiap aktiviti penguatkuasaan tahun 2024 (sehingga 20 Mei 2024) di seluruh kawasan Majlis Bandaraya Seremban mengikut ringkasan pengeluaran kompaun dan amaun adalah seperti di paparan.
44. Sementara itu, berhubung isu pengurusan aduan anjing liar, Yang Berhormat Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, telah mengarahkan untuk membuat penyelarasan semula. Sehubungan dengan itu, bermula 1 Jun 2024, kawal selia isu anjing liar atau tidak bertuan adalah di bawah Jabatan Kesihatan Persekutaran, Majlis Bandaraya Seremban.

PELAPORAN JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Mesyuarat Lembaga Mendengar Bantahan / Rayuan Cukai Taksiran Penggal 2/2024

45. Majlis Bandaraya Seremban telah mencetak dan menghantar 10,495 notis Kenyataan Pindaan Senarai Nilaian (KPSN) pada 19 April 2024 dan 26 April 2024 yang lalu. Susulan daripada notis tersebut, Majlis Bandaraya Seremban akan menerima bantahan daripada pemilik harta yang tidak berpuas hati ke atas cadangan Cukai Taksiran yang baharu sehingga tarikh akhir iaitu pada 20 Mei 2024 dan 27 Mei 2024.

46. Jumlah pemilik harta yang membuat bantahan setakat ini adalah sebanyak 137 orang daripada 10,495 harta atau 1.3% daripada jumlah harta yang terlibat dengan pindaan Cukai Taksiran. Kebanyakkan bantahan Cukai Taksiran harta tersebut adalah terdiri daripada kawasan industri di kawasan Nilai.

47. Semua pemilik harta yang membuat bantahan akan dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Lembaga Mendengar Bantahan / Rayuan Cukai Taksiran Penggal 2/2024 yang dijadualkan pada bulan Jun 2024 yang akan datang. Tujuan mesyuarat tersebut diadakan adalah untuk memberi peluang kepada pemilik mengemukakan bantahan atau rayuan berhubung cadangan Cukai Taksiran baharu kepada MBS.
48. Majlis Bandaraya Seremban turut memberikan penjelasan dan menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh pemilik harta berkaitan Cukai Taksiran dan isu-isu lain berkaitan Majlis Bandaraya Seremban dalam mesyuarat tersebut. Majlis akan mengeluarkan surat jemputan menghadiri mesyuarat kepada semua pemillik harta yang membuat bantahan / rayuan tersebut selepas tarikh bantahan ditutup.

Sumber : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

**PELAPORAN JABATAN PELESENAN DAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN**

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

49. Pada 29 April hingga 2 Mei 2024, Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan telah mengadakan sesi temuduga bagi kemasukan peniaga ke gerai, pasar, pusat penjaja dan MyKiosk milik Majlis Bandaraya Seremban melibatkan beberapa orang Ahli Majlis sebagai panel penemuduga. Seramai 162 daripada 179 peniaga yang telah mengemukakan permohonan telah hadir bagi sesi tersebut.
50. Manakala pada 6 Mei 2024 pula, Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan bersama-sama dengan Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan dan Jabatan Kesihatan Persekitaran telah mengadakan lawatan pemeriksaan aduan berkaitan dengan aktiviti Pusat Pengajian Tahfiz dalam kawasan Perumahan. Lawatan ini adalah bertujuan untuk menyelesaikan aduan kacau ganggu yang telah diterima oleh Majlis Bandaraya Seremban.

51. Pada 13 Mei 2024, satu taklimat penyelarasan syarat-syarat penganjuran dan pembaharuan permit penganjuran pasar malam, pasar pagi, pasar tani dalam kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban telah diadakan dan dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Hasim bin Rusdi. Taklimat ini adalah bertujuan untuk memberi penerangan yang jelas berkaitan penyelarasan syarat-syarat penganjuran dan pembaharuan permit kepada pihak terbabit.
52. Manakala pada 14 Mei 2024, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan lawatan bersama-sama dengan En. Abdul Malek bin Adam, Ahli Majlis MBS di Tapak Pasar Malam Bandar Baru Ampangan. Lawatan ini turut dihadiri oleh wakil SWCORP, wakil SWM Environment, wakil pengajur pasar malam, wakil Jabatan Kesihatan Persekutuan, anggota Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan MBS adalah bertujuan untuk menyelesaikan aduan mengenai sampah.

Sumber : Jabatan Pelesenian dan Pembangunan Usahawan

MAJLIS PELANCARAN MYKIOSK@SEREMBAN

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

53. Pada 17 Mei 2024, YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus telah merasmikan Majlis Pelancaran MyKiosk@Seremban bertempat di Tapak MyKiosk, Jalan Dato' Syeikh Mohd Murtadza, Seremban. Seramai 17 peniaga daripada 3 lokasi iaitu MyKiosk Taman Seri Pandan, MyKiosk Taman Widuri Indak Tapak 2 dan MyKiosk Jalan Utam Singh@Pasar Warisan telah berjaya menerima surat tawaran. MyKiosk merupakan inisiatif daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menampilkan ciri keseragaman dan dilengkapi dengan bekalan elektrik yang dijana daripada tenaga solar.

54. Majlis Bandaraya Seremban telah memberi pengecualian bayaran selama 3 bulan dengan kadar sewaan hanya RM150.00 sebulan melibatkan kos sewaan dan kos senggara. Penerima MyKiosk juga juga diberi kelengkapan peralatan seperti apron, pelitup muka dan bekas makanan jenis biodegradasi serta wang tunai berjumlah RM300.00 secara ‘one-off’ yang dikreditkan kepada akaun penerima.

55. Majlis Bandaraya Seremban mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak KPKT kerana menyediakan MyKiosk kepada penjaja Daerah Seremban dan tahniah juga diucapkan kepada peniaga yang telah menerima surat tawaran. Semoga inisiatif yang diberikan ini sedikit sebanyak dapat membantu peniaga-peniaga menjana ekonomi setempat dengan memanfaatkan inisiatif yang diberikan oleh Kerajaan.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELANTIKAN AHLI MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

56. Untuk makluman mesyuarat, melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Sembilan yang bersidang pada 3 April 2024 telah menimbangkan dan mengambil keputusan bersetuju pelantikan baharu Encik Mohamad Fadil bin Md Zin sebagai Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban. Tempoh pelantikan berkuatkuasa mulai 3 April 2024 hingga 30 November 2026. Pentadbiran Majlis menerima surat pelantikan melalui surat bertarikh 30 April 2024.

57. Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Sembilan yang bersidang juga mengambil keputusan bersetuju dengan pelantikan Pembantu Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban seramai 24 orang. Tarikh pelantikan adalah mulai 1 Jun 2024 hingga 31 Mei 2026. Pentadbiran Majlis telah menerima surat pelantikan Pembantu Ahli Majlis bertarikh 23 April 2024.

58. Pembantu Ahli Majlis perlu bekerjasama dan melaporkan setiap tugas atau lawatan kerja di zon yang ditetapkan kepada Ahli Majlis kawasan setiap bulan sebelum atau pada 15hb dan laporan ini diperlukan untuk pengesahan Ahli Majlis bagi tujuan bayaran elaun setiap bulan.
59. Pentadbiran Majlis mengucapkan tahniah di atas pelantikan ini dan semoga dengan pelantikan ini dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan MBS.

Sumber : Unit Urusetia Mesyuarat

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PERUNTUKAN PROGRAM LOCAL AGENDA 21

60. Untuk makluman, Majlis Bandaraya Seremban telah memperuntukan sebanyak RM10,000.00 kepada setiap Ahli Majlis dalam tahun semasa bagi menjalankan aktiviti/program Local Agenda 21 (LA21) bersama warga Bandaraya Seremban. Laporan perbelanjaan hendaklah dikemukakan atau dihantar kepada pentadbiran Majlis untuk semakan. Kegagalan untuk mengemukakan laporan akan

mengakibatkan penyaluran peruntukan seterusnya tidak dapat dipertimbangkan. Peruntukan ini hanya boleh dibelanjakan bagi manfaat warga bandar raya dalam kawasan Majlis Bandaraya Seremban sahaja. Peruntukan untuk program ini adalah sebanyak RM240,000.00 setahun.

61. Jumlah peruntukan yang telah digunakan sehingga 14 Mei 2024 adalah sebanyak RM14,500.00 dan peruntukan untuk tahun 2024 berbaki sebanyak RM225,500.00. Ahli Majlis yang telah memohon peruntukan program LA21 ini ialah YBhg. Datuk Latteffah binti Aliyaru Kunju, Encik Abdul Malek bin Adam, Tuan Haji Zainal bin Ismail, Encik Awa Hoi Choong, Encik Hamdan bin Md. Nor, Encik Thanabalan a/l Ramiah, Puan Yong Mui Teng, Encik Lim Chun Weng, Encik Krishnan a/l Ramalingam dan Encik Chong Jin Wei.
62. Permohonan peruntukan program LA21 boleh dibuat melalui pautan di *Google Drive* yang telah diberikan pada 27 Mei 2024.

Sumber : Unit Urusetia Mesyuarat

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**MAJLIS PERASMIAN SEMINAR MEMACU MALAYSIA
VISION VALLEY KE ARAH BANDAR PINTAR DAN
RENDAH KARBON**

63. Pada 28 Mei 2024, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Majlis Perasmian Seminar Memacu Malaysia *Vision Valley Ke Arah Bandar Pintar dan Rendah Karbon* bertempat di Hotel Royal Chulan, Seremban. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kemajuan Desa, Perladangan dan Komuniti serta merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup turut dihadiri oleh peserta daripada seluruh Malaysia.

64. Seminar yang diadakan pada hari tersebut dibantu oleh 6 orang *speaker* yang dijemput khas untuk membentangkan dan berkongsi pengalaman berkenaan isu bandar dan rendah karbon. Majlis Bandaraya Seremban ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada PLANMalaysia di atas khidmat nasihat dan kepakaran

dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif bandar pintar dan rendah karbon.

65. Sesungguhnya khidmat nasihat ini sangat penting sebagai panduan kepada PBT, agensi dan pihak berkepentingan bagi memandu arah perancangan dan Pembangunan agenda bandar pintar dan rendah karbon dalam menangani cabaran perbandaran serta sebagai satu manifestasi ke arah hasrat Negara sebagai Negara Pintar (*Smart Nation*).

Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

PENUTUP

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

66. Negeri Sembilan bakal mengadakan Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026 (TMNS26) bermula 1 Januari 2026. Sehubungan dengan itu, saya meminta Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan untuk lebih giat aktif merancang dan menyusun pelbagai program dan aktiviti bagi menerima pelancong daripada serata negeri dan negara. Saya juga meminta jabatan-jabatan teknikal agar melihat infrastruktur sedia ada supaya berada dalam baik dan selesa untuk dikunjungi. Saya juga meminta agar pembersihan longkang dan kawasan persekitaran lebih giat dijalankan supaya bandar raya Seremban berada dalam keadaan bersih.

67. Selain daripada itu, bagi merakyatkan pelaksanaan program yang dilakukan oleh Majlis Bandaraya Seremban dengan pemegang taruh, *platform* komunikasi dua hala seperti memperbanyakkan dan mempelbagaikan program serta aktiviti bersama perlu dilakukan. Ini adalah penting bagi komuniti merasai bahawa MBS sentiasa dekat dan prihatin perkara yang berlaku disekeliling mereka. Melalui program dan aktiviti yang dilakukan bersama penduduk setempat ataupun kumpulan sasaran, objektif yang dirangka akan lebih mudah dicapai.
68. Sehubungan dengan itu, saya meminta Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan selaku “orang tengah” antara MBS dan warga bandar raya Seremban dapat merangka lebih aktiviti yang memberi impak lebih berkesan kepada isu dan permasalahan yang berlaku. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada agensi-agenis luar yang sentiasa bekerjasama dan membantu Majlis Bandaraya Seremban memberi perkhidmatan terbaik kepada warga bandar raya Seremban. Saya berharap hubungan dua hala ini akan diteruskan demi mencapai kesejahteraan bandar Seremban.

69. Akhir kata, saya mendoakan usaha dan impian kita bagi mempersiapkan Seremban menjadi sebuah Bandar Raya Pintar atau “*Smart City*” akan dipermudahkan dengan kerjasama dan bantuan daripada semua pihak.

Sekian, terima kasih.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
29 MEI 2024**